

**PROGRAM KERJA DAN KENYATAAN KAEDAH SEBAGAI  
DOKUMEN KONTRAK**

WONG KING LANG

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2007

## ABSTRAK

Menurut CIOB (1986), prestasi projek binaan yang tidak baik adalah berpunca daripada pengurusan projek binaan yang lemah. Potts (1995) menyatakan bahawa program kerja dan kenyataan kaedah merupakan dokumen yang amat penting dalam pengurusan projek binaan supaya suatu projek binaan itu siap pada masa yang ditetapkan dalam lingkungan kos dan juga kualiti kerja yang diharapkan oleh klien. Namun demikian, program kerja dan kenyataan kaedah selalunya disediakan oleh kontraktor hanya untuk memenuhi syarat dalam borang kontrak tanpa digunakan sepenuhnya untuk mengurus projek binaan (Winter, 2001). Ini disebabkan program kerja dan kenyataan kaedah tidak dinyatakan dalam borang kontrak sebagai dokumen kontrak (Lal, 2002). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendapat kontraktor mengenai fungsi-fungsi program kerja dan kenyataan kaedah dalam pengurusan projek binaan. Selain itu, tahap penggunaan program kerja dan kenyataan kaedah dalam pengurusan projek binaan di kalangan kontraktor serta potensi kedua-dua dokumen itu dijadikan sebagai dokumen kontrak juga dikenalpasti. Kajian ini telah dijalankan melalui temubual berstruktur dengan menggunakan borang soal selidik. Program penganalisan khas, *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Responden kajian ini adalah kontraktor Kelas A di Johor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Didapati bahawa tahap persetujuan kontraktor mengenai fungsi-fungsi program kerja dalam pengurusan projek binaan adalah tinggi. Begitu juga dengan tahap persetujuan kontraktor mengenai fungsi-fungsi kenyataan kaedah dalam pengurusan projek binaan tetapi dengan min yang lebih rendah. Tahap penggunaan program kerja dan kenyataan kaedah dalam pengurusan projek binaan di kalangan kontraktor adalah tinggi. Kebanyakan responden bersetuju supaya program kerja dan kenyataan kaedah dijadikan sebagai dokumen kontrak.

## ABSTRACT

According to CIOB (1986), weakness in construction management is most frequently cited as the root cause of poor performance in construction project. Potts (1995) mentioned that work program and method statement are essential to the effectiveness of construction management at meeting a client's requirements and ensuring completion on time, within cost and to required quality standards. However, the contractor always prepare the work program and method statement only to meet the requirement of forms of contract, which are never used as the management tool the work program and method statement ought to be (Winter, 2001). The reason given for this is because the work program and method statement are not stated in the forms of contract to be contract documents (Lal, 2002). Thus, the purpose of this study is to identify the opinions of contractors about the functions of work program and method statement in construction management. Besides that, the level of using the work program and method statement in construction management among the contractors and the potential of these two documents as contract documents are also identified. This study was conducted through interview by using questionnaires and the Statistical Packages for Social Science (SPSS) analysis system have been used to achieve the outcome of the research. The respondents of this study are the contractor firms in Johor which registered with Pusat Khitmat Kontraktor. Outcome of the study shows that the agreement level of the respondents with the functions of work program in construction management was high. Similarly to the agreement level for the functions of method statement in construction management but with a lower mean. The level of using the work program and method statement in construction management among the contractors was high. Most of the respondents agreed to make the work program and method statement as contract documents.